

Projek tebatan banjir siap 2016

Masalah yang menghantui penduduk Seksyen 13, Puncak Alam bakal berakhir

■ JANATUL FIRDAUS YAACOB

KLANG - Masalah banjir di Seksyen 13, Puncak Alam dan beberapa kawasan terjejas akan berakhir apabila projek tebatan banjir yang sedang diusahakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) siap akhir tahun depan atau selewat-lewatnya 2017.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi berkata, sebahagian masalah banjir yang sering melanda beberapa kawasan juga berjaya diatasi.

"Susulan itu, kerajaan negeri memberi kelulusan segera kepada MBSA dan JPS untuk melaksanakan projek projek yang dicadangkan.

"Pekan Kajang dan kawasan sekitar lembangan Sungai Rasah iaitu Kampung Padang Jawa yang sering dilanda ban-

jir setiap kali musim hujan tidak berdepan insiden tersebut kali ini, ekoran pelaksanaan projek tebatan banjir yang dilaksanakan JPS ketika ini," katanya ketika berucap pada Majlis Jamuan Teh Diraja Sempena Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ke-70 di Padang Mahkota, Istana Alam Shah, Jumaat lalu.

Mohammed Khusrin berkata, pencapaian tersebut ialah hasil kerjasama erat daripada semua pihak terutama komitmen Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang memberikan sepenuh kepercayaan kepada pegawai-pegawai kerajaan negeri.

"Keharmonian yang terjalin antara institusi istana, pimpinan politik dan pegawai kerajaan ialah ramuan cukup penting untuk terus



diperkukuh dan dipertahankan bagi membolehkan pentadbiran kerajaan negeri dapat berjalan lancar.

"Didorong dengan pandangan Tuanku yang sentiasa terbuka untuk menerima cadangan dan sikap menteri besar yang sangat menghargai pendapat dikemukakan oleh pegawai-pegawai kerajaan negeri, memberi motivasi untuk kami terus bertungkus lumus bagi memastikan setiap keputusan dapat diambil tindak-

“Pekan Kajang dan kawasan sekitar lembangan Sungai Rasah iaitu Kampung Padang Jawa yang sering dilanda banjir setiap kali musim hujan tidak berdepan insiden tersebut kali ini.” - Mohammed Khusrin

an segera," katanya.

Beliau berkata, perkara inilah sebenarnya diharapkan oleh setiap penjawat awam di Selangor untuk mereka memberikan perkhidmatan dengan hati terbuka serta tulus ikhlas bagi memastikan setiap dasar ditetapkan kerajaan negeri dilaksanakan dengan sempurna.

Beliau berkata, ketika ini, pihaknya mengawal pelepasan air mentah setiap hari di semua empangan dan lembangan sungai yang membekalkan air mentah kepada loji rawatan air di negeri itu.

Katanya, pengawalan

pelepasan air dari empangan yang dilaksanakan membolehkan paras empangan air utama di Selangor mencapai paras 100 peratus kecuali Empangan Sungai Langat.

"Keadaan ini adalah satu petunjuk yang jarang berlaku sebelum ini dan yakin bekalan air mencukupi menjelang 2017.

"Ini diperkuatkan lagi kerana bekalan air terawat kepada pengguna menjadi bertambah baik masa ini dan jumlah aduan rakyat yang tidak menerima bekalan air semakin berkurangan berbanding sebelum ini," katanya.